

Sokong Membawa Roboh

(oleh Mimain)

Saya tampak dan dengar barang di mana ada berkumpul orang-orang muda Melayu sama ada seperti di kedai-kedai kopi, di kedai-kedai gunting rambut, di kelab-kelab dan sebagainya tiada lain yang dicakapkan melainkan perkara yang akan dikemukakan di Dewan Mesyuarat Undangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur dalam bulan Februari 1951 berkenaan dengan hendak menentukan satu rupa kebangsaan iaitu “Malayan” kepada sekalian penduduk-penduduk atau rakyat Malaya – Melayu, Indian, Nasrani, dan lain-lainnya tidak dikecualikan bangsa warna kulit, dan agama apa pun. Pendeknya yang demikian itu tidaklah orang-orang Melayu bersetuju nama bangsanya diubah menjadi “Malayan”.

Walaupun saya seorang “di belakang tali” di luar gelanggang perjuangan politik, tetapi saya samalah seperti umat-umat Melayu Raya se-Malaya yang tidak redha menjadi “Malayan” dengan sebab-sebab di bawah ini:

(1) Pada masa mula-mula kerajaan British jadikan negeri-negeri Melayu di Malaya ini bersatu di bawah kuasa kerajaan bernama “Malayan Union” merampas hak-hak kuasa raja-raja Melayu sehingga Yang Maha-maha Mulia itu berkuasa seperti *chief-chief* kadi sahaja, bangkitlah rakyat jelata Melayu seluruh Malaya bersatu padu membangkang “Malayan Union” itu sehingga berkejasama mendirikan Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) dan raja-raja Melayu pun berkuasa semula dengan beberapa syarat-syaratnya sebagaimana berjalan sekarang ini.

(2) Pada masa orang-orang Melayu sedang di bawah kuasa

kerajaan “Malayan Union” itu siapakah seorang daripada bangsa-bangsa dagang terutama sekali orang-orang Cina yang tidak bersetuju dengan kerajaan “Malayan Union” itu? Tiada seorang pun – dan hal berdiam dirinya itu berertilah suka!

(3) Apabila telah berdiri “Federation of Malaya” orang-orang Cina pun baharulah sedar tentang kuat kuasa persatuan padu umat-umat Melayu, maka orang-orang Cina itupun menubuhkan persatuan segala persekutuan-persekutuan Cina se-Malaya yang berertilah hendak menawan melawan kuasa umat-umat Melayu atau sekurang-kurangnya hendak bersama hak bersuara dan lain-lain lagi seperti kita orang-orang Melayu se-Malaya.

(4) Sekarang pula ada tersebut di dalam akhbar “Straits Times” Singapura pada 6 Januari 1951 bahawa satu kumpulan penganjur-penganjur Cina anak negeri China telah berunding hendak meminta kerajaan Singapura jadikan mereka itu rakyat Singapura dengan bersama hak-hak seperti orang-orang Cina peranakan Singapura juga. Orang-orang Cina peranakan negeri China itu adalah berjumlah sekarang hampir-hampir 250, 000 orang semuanya. Ketua-ketua atau penganjur-penganjur mereka itu ialah ketua-ketua bank, ahli-ahli Mesyuarat Dewan Perniagaan Cina, termasuklah tuan-tuan punya kebun-kebun getah dan lain-lain perniagaan juga. Daripada penganjur-penganjur yang tersebut dan lima orang lagi telah dilantik menjadi ahli-ahli jawatankuasa bagi menjalankan permohonan mereka itu kepada kerajaan Singapura.

Saya percaya jika lulus jarumnya di Singapura

luluslah kelindannya sehingga terkumpullah kelak lain Singapura dengan kain Malaya.

Sekarang berbalik saya pada hal kita di Malaya ini.

(A) Kerajaan kita telah ditetapkan bahawa Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (bukan Malayan) ialah bahasa rasmi.

(B) Yang Berhormat Dato' Onn bin Jaafar, Yang Di-pertua Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu (bukan Malayan) Bersatu (UMNO) di dalam ucapannya di hadapan Duli Yang Maha Mulia as-Sultan Kelantan, tatkala diadakan majlis jamuan makan malam di Istana Balai Besar Kota Baharu kerana meraikan lawatan dan mesyuarat Agung UMNO di Kelantan itu, di antara yang lain-lain Dato' Onn berkata sebagaimana saya sendiri mendengar kerana saya pun hadir sama di majlis jamuan itu:- "Adalah raja itu rakyat dan rakyat itulah raja....." dan lagi saya mendengar khabar bahawa Dato' Onn pernah berkata di lain-lain negeri "UMNO itu orang-orang Melayu Raya dan orang-orang Melayu itulah UMNO" maka ini pada faham saya sendiri, bahawa Yang Di-pertua Agung dan Yang Di-pertua-Yang Di-pertua cawangan UMNO itu dan orang-orang Melayu yang menjadi ahli-ahlinya dan sekaliannya itulah UMNO.

(B) Yang menterkejutkan kebanyakan orang-orang Melayu sekarang ialah mengapa UMNO suka menerima bangsa-bangsa asing masuk bersekutu di dalam UMNO dan juga mengapa Yang Di-pertua Agung UMNO terburu-buru berkehendak supaya disegerakan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu masalah menentukan satu rupa nama kebangsaan "Malayan" itu.

Oleh sebab saya bukan seorang ahli politik, maka menjadi bingunglah saya di dalam kejahilan saya dan begitu jugalah orang-orang Melayu am yang seperti saya, tiada tahu apakah ada rahsia muslihat atau hikmah terkandung di dalam politik Yang Di-pertua Agung dan Jawatankuasa Agung UMNO itu. Walau bagaimanapun saya dan saudara-saudara saya yang sama

bodoh percaya dan berharap kepada tuan-tuan penguasa UMNO itu, mudah-mudahan tidak membawa kami sekalian tertiarap seperti sokong membawa roboh sehingga "Malayan" bertemu tebu rebah.

Sebagai penutup rencana saya ini saya berseru dengan ikhlas kepada sekalian saudara-saudara saya sebangsa Melayu dan seagama Islam bahawa hendaklah kita sekalian beringat sebelum terkena, janganlah kiranya sehingga menjadi - Melayu memanjat sialang menyapu lebih bagi si "Malayan" menerima madunya!



Meutia Hatta iaitu anak perempuan kepada Naib Presiden Indonesia Doktor Mohammad Hatta - Gambar A.F.B.